

**Isu Pendidikan, Infrastruktur Keutamaan Wakil Rakyat Baharu Kuala Besut
Bernama
25 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 25 Julai (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut yang baharu, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman meletakkan isu pendidikan dan menaiktaraf infrastruktur sebagai perkara awal yang akan dilaksanakan selepas memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) itu.

"Kita menjangka membina sebuah lagi sekolah menengah di Alor Peroi untuk tingkatkan taraf pelajaran penduduk memandangkan dua sekolah sebelum ini tidak mencukupi bagi menampung keperluan pelajar.

"Selain itu, ada beberapa infrastruktur yang telah dikenal pasti akan dibina dan ditambah baik bagi menaikkan taraf sosioekonomi mereka," katanya kepada pemberita selepas diumumkan sebagai ADUN Kuala Besut di Dewan Majlis Daerah Besut di Jerneh, dekat sini, Rabu malam.

Beliau yang menewaskan calon PAS Endot@Azlan Jusoh, 48 dengan majoriti 2,592 undi itu juga melahirkan iltizam tinggi untuk menunaikan tanggungjawab yang diberi dengan sebaik mungkin dan membalas kepercayaan pengundi Kuala Besut.

Tengku Zaihan juga berjanji akan membawa lebih banyak lagi kemajuan di kawasan DUN berkenaan termasuk berusaha meningkatkan taraf hidup golongan nelayan.

Katanya penghargaan seharusnya diberikan kepada semua pihak dalam membantu menjayakan kempenya termasuk dari keluarga, jentera BN dan pengundi amnya.

Turut diberi penghargaan oleh Tengku Zaihan, golongan wartawan yang sentiasa melaporkan perkembangan terkini kempenya kepada orang ramai sama ada menerusi akhbar mahupun televisyen serta media sosial.

Dalam pada itu, keluarganya mempunyai jentera sendiri untuk berkempen dan mengesan susur galur lebih 3,000 penduduk di kawasan Besut yang mempunyai talian persaudaraan dengan mereka.

Bapanya, Che Ku Abd Rahman Che Ku Abdullah, 74, atau lebih dikenali sebagai Ayah Man aktif dalam hal ehwal kemasyarakatan dan politik.

Sewaktu muda, Ayah Man pernah bergiat aktif dalam politik Umno, bekas pengerusi persatuan nelayan, guru agama dan pengamal perubatan Islam yang aktif di sekitar Kuala Besut.

Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi dan kekosongan DUN Kuala Besut berlaku berikutan kematian penyandanginya Dr A Rahman Mokhtar pada 26 Jun lalu akibat kanser paru-paru.

Pada PRU13, Allahyarham mempertahankan kerusi DUN Kuala Besut apabila mengalahkan calon PAS Napisah Ismail dengan majoriti 2,434 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965964>